



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

RANG UNDANG UNDANG UNTUK PENUBUHAN MAJLIS MEDIA AKAN DIRANGKA

Perjumpaan kali pertama saya bersama Datuk A.Kadir Jasin, wakil-wakil daripada pihak media, kumpulan akademik dan Jabatan Peguam Negara berkenaan Majlis Media di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia hari ini. Sejumlah 12 kumpulan telah hadir ke mesyuarat ini pagi tadi. Perbincangan yang berlangsung hampir 2 jam telah berjalan dengan baik.

Kami mencapai satu keputusan bahawa Majlis perlu ditubuhkan melalui Akta Parlimen dan sebuah rang undang-undang akan dirangka dengan memberi tumpuan kepada 5 aspek utama pada masa ini, iaitu matlamat dan fungsi Majlis, perlembagaan dan keahliannya, kod etika, kaedah penyelesaian pertikaian serta peruntukan-peruntukan am termasuk memeriksa undang-undang sedia ada yang perlu dimansuhkan atau dipinda apabila Majlis ini ditubuhkan.

Saya telah meminta bahagian penggubalan untuk menyediakan kertas awal dalam masa 2 minggu dari sekarang dan selepas itu, sebuah jawatankuasa awal (pro-tem) yang terdiri daripada ahli-ahli dari media akan ditubuhkan untuk menyelesaikan perincian rang undang-undang selanjutnya. Seterusnya saya akan bertemu semula dengan semua pihak yang terlibat untuk membincangkan cadangan-cadangan muktamad. Saya berharap ia dapat dibentangkan di Parlimen dan Majlis Media dapat ditubuhkan pada akhir tahun ini.

Terima kasih sekali lagi kepada semua yang mengemukakan pandangan sama ada secara bertulis atau sebaliknya dan semua yang hadir ke mesyuarat pagi tadi.

GOBIND SINGH DEO

Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia

21 Jun 2019